

Projek: Peranan baru swasta—Musa

MELAKA, Jumaat — Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan, Kerajaan sanggup menyerahkan setengah-setengah projek pembangunannya kepada pihak swasta untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya sekiranya jentera Kerajaan sendiri tidak mencukupi.

Bellau berkata, memandangkan peranan Kerajaan mewujudkan sebuah negara maju dengan jentera pentadbiran yang licin, cekap dan berstik, kini bertambah berat, sudah tentu ia tidak mampu melaksanakan kesemua tanggungjawab ini.

"Kerajaan bersedia menyerahkan setengah-setengah projeknya kepada sesiapa saja asalkan tidak terkeluar dari peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan demi meningkatkan pencapaian pembangunan yang tinggi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian sewaktu merasmikan kursus sivik bagi kira-kira 1,000 pemimpin masyarakat seluruh Melaka di sini hari ini.

Bellau memberitahu, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti berbagai projek yang dianggap produktif dan perlu siap secepat mungkin.

Kerajaan akan membuat keputusan dari

Oleh
**ASRI IBRAHIM
HALIM MAJID**

masa ke semasa untuk menyerahkannya kepada pihak swasta, tambah bellau.

Timbalan Perdana Menteri menggesa para pemimpin masyarakat turut sama dalam usaha mendorong jentera, pegawai dan kakitangan Kerajaan mempertingkatkan prestasi daya pengeluaran mereka.

"Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir sedar, untuk mewujudkan satu pentadbiran yang licin, cekap dan berstik (LCB) telah timbul beberapa tindakan dan

keputusan yang mungkin menjejaskan amalan biasa di bidang pentadbiran dan khidmat kepada orang ramai," jelasnya.

Bellau bagaimanapun, menegaskan setiap perubahan baru yang dibuat adalah mengikut bidang kuasa dan peraturan yang sedia ada dalam berbagai jawatan dan agensi Kerajaan.

Katanya, ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dipertanggungjawabkan menggunakan kuasa dan peraturan-peraturan yang sedia ada bagi meningkatkan prestasi daya pengeluaran pegawai dan kakitangan.

Di samping itu, ia juga untuk memastikan khidmat mereka kepada rakyat diberi dengan cara yang diharapkan oleh rakyat dengan penuh sopan santun dan timbang rasa terhadap masalah orang ramai.

"Jika jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan tidak dapat membetulkan keadaan, maka para pemimpin Kerajaan tidak dapat menyalahkan rakyat jika mereka mendesak supaya sesuatu tindakan yang lebih tegas diambil," tegasnya lagi.

"Kami sedar ada kalangan pegawai Kerajaan yang berakap tradisian bersungut bila ditekankan aspek LCB," katanya.

Datuk Musa yakin aspek LCB itu kini telah mula diterima, menegaskan pentingnya peranan pemimpin masyarakat dalam memastikan segala projek pembangunan untuk membawa rakyat ke tahap kemajuan yang lebih gemilang akan disambut baik oleh rakyat.

"Sambutan yang diharap-harapkan itu bukan sahaja setakat menerima projek yang dibawa ke sekitar kawasan tempat tinggal, tetapi juga melibatkan penyertaan serta perubahan sikap hidup.

"Usaha untuk mengembeliling perubahan-perubahan itu amat sukar dan memerlukan usaha meyakinkan rakyat bahawa cara-cara lama dan tradisional tidak boleh dipakai," tegasnya.

Datuk Musa memberitahu, usaha-usaha membawa perubahan itu selain dari dilakukan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan seperti Kemas dan Pemaju Masyarakat Risa, juga dilakukan di sekolah-sekolah dan melalui institusi-institusi agama.

Perubahan melalui masjid dan surau, perlu katanya, kerana penyesuaian hidup kepada perubahan zaman pembangunan serta perubahan sikap sebenarnya mengikut kemahuan Allah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia